

Hubungan Di Antara Agihan Pendapatan dan Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia

Mohd Hanif bin Mastuki
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mail: mashanif77@yahoo.co.uk

ABSTRAK

Sejak tahun 1970, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara mencatat pertumbuhan positif kecuali pada tahun 1985, 1998 dan 2009. Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita meningkat daripada RM1,087 pada tahun 1970 kepada RM25,481 pada tahun 2012. Pada tempoh yang sama, indeks Gini menunjukkan penurunan daripada 0.557 pada tahun 1976 kepada 0.442 pada tahun 1989. Namun, sehingga tahun 2012 indeks gini sekadar berada pada tahap 0.431. Terdapat pelbagai teori dan kajian yang mendapati agihan pendapatan mempunyai hubungan positif dan hubungan negatif dengan pertumbuhan ekonomi. Untuk mencapai tahap Negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, Malaysia bukan sahaja perlu mencatat pertumbuhan ekonomi secara konsisten, malah kemajuan ini perlu diterjemahkan kepada tahap kesejahteraan rakyat yang meningkat. Antara petunjuk peningkatan kesejahteraan rakyat adalah agihan pendapatan yang lebih seimbang. Kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan diantara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia. Kajian ini menggunakan model yang digunakan oleh Herzer dan Vollmer (2012) dan menggunakan ujian Kointegrasi Johansen. Keputusan menunjukkan terdapat hubungan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia dalam jangka panjang. Dalam hal ini, Kerajaan boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan memperbaiki tahap agihan pendapatan supaya lebih seimbang melalui dasar ekonomi yang inklusif bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang lestari.

Kata kunci: Agihan pendapatan, pertumbuhan ekonomi, Ujian Kointegrasi Johansen

ABSTRACT

Since 1970, Gross Domestic Product (GDP) records a positive growth except for the year 1985, 1998 and 2009. Gross National Income (GNI) per capita increase from RM1,087 in 1970 to RM25,481 in 2012. During the same period, Gini Index shows improvement from 0.557 in 1976 to 0.442 in 1989. However, up until 2012 gini index still recorded at 0.431. There are few theories and empirical evidences supporting that income distribution is negatively as well as positively related to economic growth. To achieve a high income nation status in 2020, Malaysia must record a steady growth consistently. On top of that, the economic achievement must be translated into an improvement to the wellbeing. One of the indicators of the improved wellbeing is the more equal income distribution. The research aims to determine the relationship between income distribution and economic growth in Malaysia. It applies a model by Herzer and Vollmer (2012) and Johansen Cointegration Test. Result shows that there is a negative relationship between income distribution and economic growth in Malaysia in long term. Further test using Johansen Cointegration shows that the relationship also exist in long term. Based on the result, Government may increase economic growth by improving the state of income distribution to be become more equal by introducing a more inclusive economic policy to ensure a sustainable economic growth.

Keywords: Income distribution, economic growth, Johansen Cointegration Test

PENGENALAN

Sejak tahun 1970, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara mencatat pertumbuhan positif kecuali pada tahun 1985, 1998 dan 2009. Pendapatan Negara Kasar (PNK) perkapita meningkat daripada RM1,087 pada tahun 1970 kepada RM25,481 pada tahun 2012. Pada tempoh yang sama, indeks Gini menunjukkan penurunan daripada 0.557 pada tahun 1976 kepada 0.442 pada tahun 1989.

Namun, sehingga tahun 2012 indeks gini masih berada pada tahap 0.431, kemajuan yang minima berbanding tahun 1976. Kajian oleh Bourguignon (2000) dan Dollar dan Kraay (2002) menunjukkan pendapatan purata kuintil (kumpulan satu perlima) termiskin meningkat secara berkadar dengan peningkatan purata pendapatan sebanyak 92 buah negara bagi tempoh empat dekad. Ini membuktikan kepentingan pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Bagi mencapai taraf Negara berpendapatan tinggi, Malaysia perlu mencatat pertumbuhan ekonomi secara konsisten. Paras minima PNK benar per kapita bagi sebuah Negara berpendapatan tinggi adalah sebanyak USD15,000. Selain daripada mencatat pertumbuhan ekonomi, kerajaan juga perlu memastikan bahawa kekayaan yang diperolehi dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat. Di antara petunjuk kesejahteraan rakyat yang boleh diguna pakai adalah indeks gini. Taraf Negara berpendapatan tinggi tanpa peningkatan kesejahteraan rakyat bermaksud pembangunan Negara tidak bersifat inklusif dan kekayaan yang dijana gagal diagihkan secara saksama.

Laporan Pembangunan Manusia 2013 (UNDP HDR 2013) menunjukkan indeks Gini negara masih berada di belakang Negara-negara seperti China, Thailand, India dan Indonesia. Perbezaan ini lebih ketara sekiranya kita membandingkan indeks Gini Negara dengan Negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) yang kebanyakan mencatatkan indeks Gini di bawah 0.3, berdasarkan *OECD Factbook 2013*. Ini menunjukkan bahawa Negara-negara OECD bukan sahaja mempunyai PNK perkapita yang tinggi, malah mencatatkan agihan pendapatan yang lebih seimbang. Objektif kajian ini ialah untuk menentukan hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia menggunakan data dalam Negara bagi tempoh tahun 1982 hingga tahun 2012.

Agihan pendapatan yang baik akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi kerana rakyat yang meningkat tahap kesejahteraannya akan berbelanja dan sekaligus meningkatkan tahap penggunaan dalam Negara. Dalam keadaan tertentu, rakyat dapat pula menyimpan seterusnya menyumbang pula kepada peningkatan tahap pelaburan. Namun, sekiranya agihan pendapatan tidak meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi, ini akan menyebabkan Kerajaan terpaksa campur tangan dan menyediakan peruntukan yang lebih tinggi untuk menangani masalah agihan pendapatan yang merosot. Dalam keadaan melampau, agihan pendapatan yang terlalu seimbang dan juga terlalu tidak seimbang boleh merencatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan sesebuah Negara bukan sahaja bertumbuh, malah memperbaiki tahap agihan pendapatan supaya dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi secara positif.

KAJIAN LEPAS

Menurut Van der Hoeven (2013) agihan pendapatan adalah satu konsep yang bersifat relatif, di mana ia tidak mengukur pendapatan mutlak seseorang sebaliknya ia mengukur pendapatan sekumpulan orang berbanding dengan pendapatan sekumpulan orang yang lain. Banyak teori yang mendapati bahawa agihan pendapatan mempunyai hubungan dengan pertumbuhan ekonomi.

Hubungan pertumbuhan ekonomi dengan agihan pendapatan mempunyai dimensi yang pelbagai. Kuznet (1955) mendapati pertumbuhan ekonomi mempunyai hubungan berbentuk “u terbalik” dengan agihan pendapatan di mana pada peringkat awal pembangunan, ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan berada pada tahap yang rendah, kemudian meningkat pada peringkat pembangunan seterusnya dan menurun semula pada peringkat yang selanjutnya. Hujah Kuznet, perkara ini berlaku kerana proses agihan semula buruh dan sumber (modal dan bahan mentah) daripada sektor yang mempunyai produktiviti yang rendah kepada sektor yang mempunyai produktiviti yang tinggi. Ini memberi kelebihan kepada kumpulan berpendapatan menengah dan tinggi berbanding kumpulan berpendapatan rendah dan menyebabkan jurang pendapatan yang semakin meluas dan agihan pendapatan semakin tidak seimbang. Sebaliknya Angeles-Castro (2006) mendapati terdapat hubungan berbentuk “u” di antara pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan tidak seimbang di mana pertumbuhan ekonomi mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan pada peringkat awal dan kemudiannya meningkat. Kajian Angeles-Castro meliputi 116 buah negara maju dan sedang membangun dari tahun 1970 hingga 1998. Perez-Moreno (2009) yang mengkaji data panel di Sepanyol pula mendapati pertumbuhan ekonomi yang meningkat mengurangkan ketidak seimbangan agihan pendapatan.

Sebagai hasil kajian terawal, hipotesis Kuznet adalah berdasarkan kepada hujah tradisional kesan pertumbuhan ekonomi terhadap agihan pendapatan. Oleh itu, terdapat kajian terkini yang telah dijalankan dan mendapati hubungan di antara pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan tidak semestinya berbentuk “U Terbalik”. Malah, terdapat kajian yang mendapati agihan pendapatan turut mempunyai pengaruh ke atas pertumbuhan ekonomi. Panizza (2002) mengesahkan terdapat hubungan

negatif yang kuat di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi. Chen (2003) mendapati hubungan u terbalik di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Sekiranya hubungan ini merupakan hubungan penyebab, implikasinya adalah Negara yang agihan pendapatannya lebih seimbang pada awalnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan mengurangkan keseimbangan agihan pendapatan manakala sebaliknya bagi Negara yang agihan pendapatannya kurang seimbang pada awalnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan keseimbangan agihan pendapatan. Chen yakin dengan hubungan u terbalik kerana agihan pendapatan yang terlalu seimbang atau terlalu tidak seimbang akan menghapuskan insentif untuk bekerja dan melabur.

Cornia dan Court (2004) mendapati terdapat hubungan tidak linear di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di mana hubungan negatif berlaku pada tahap ketidakseimbangan yang terlalu tinggi dan terlalu rendah, manakala dalam julat ketidakseimbangan yang tertentu, agihan pendapatan yang tidak seimbang menyokong pertumbuhan ekonomi. Tahap ketidakseimbangan yang rendah dalam agihan pendapatan menimbulkan masalah seperti perangkap insentif, *free riding* dan gelagat *labour shirking* yang menghalang pertumbuhan ekonomi, manakala ketidakseimbangan yang tinggi dalam agihan pendapatan menyebabkan timbul masalah perangkap insentif, ketidakstabilan politik dan ketegangan sosial yang menjadi penghalang kepada kemasukan pelaburan.

Voitchovsky (2005) berpandangan bahawa pengaruh positif atau negatif agihan pendapatan ke atas pertumbuhan ekonomi adalah berkait rapat dengan ketidakseimbangan di bahagian tertentu bentuk agihan pendapatan. Kajian yang dijalankan menyokong hipotesis Voitchovsky di mana ketidakseimbangan pada bahagian atas agihan pendapatan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi manakala ketidakseimbangan agihan pendapatan pada bahagian bawah agihan pendapatan menghalang pertumbuhan ekonomi.

Secara ringkasnya, boleh dikatakan pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan yang tidak seimbang mempunyai hubungan dua hala dan saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Hubungan di antara agihan pendapatan ke atas pertumbuhan ekonomi pula mempunyai hubungan yang positif dan negatif. Kajian yang dijalankan akan menumpukan kepada hubungan dan kesan di antara agihan pendapatan terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Terdapat beberapa kajian yang telah meneliti hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi. Kajian-kajian ini telah dijalankan menggunakan beberapa jenis data seperti data rentas negara, data dalaman negara dan data panel. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi. Namun, hubungan tersebut didapati bukan sahaja bersifat positif tetapi juga negatif.

Kajian oleh Alesina dan Rodrik (1994), Persson dan Tabellini (1994), Alesina dan Perotti (1996), Perotti (1996), Chambers dan Krause (2010), Castelló-Climent (2010) dan Forbes (2000) telah menggunakan data rentas Negara bagi memeriksa hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi. Secara umumnya, kesemua kajian tersebut mengesahkan terdapat hubungan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi. Ini bermaksud tahap agihan pendapatan yang lebih seimbang akan menyokong pertumbuhan ekonomi manakala agihan pendapatan yang kurang seimbang akan menghalang pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, kajian oleh Persson dan Tabellini (1994) dan Forbes (2000) turut mendapati hubungan positif di antara agihan pendapatan dengan pertumbuhan ekonomi. Sementara itu, walaupun, hasil kajian yang diperolehi adalah sama, namun set data, metodologi dan pendekatan dalam kajian-kajian tersebut adalah berbeza-beza. Ini termasuklah konsep agihan pendapatan tidak seimbang yang digunakan.

Herzer dan Vollmer (2012) mengkaji hubungan jangka panjang di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi menggunakan teknik panel kointegrasi ke atas data 46 buah Negara membangun bagi tempoh 1970 hingga 1995. Secara purata didapati agihan pendapatan mempunyai kesan jangka panjang negatif (secara purata) ke atas pertumbuhan ekonomi. Tiada perbezaan signifikan di antara kesan agihan pendapatan di antara Negara maju dan Negara miskin atau di antara Negara yang mengamalkan demokrasi dan Negara yang tidak mengamalkan demokrasi. Kesan agihan pendapatan ke atas pertumbuhan ekonomi ini adalah separuh daripada kesan peningkatan dalam pelaburan ke atas pertumbuhan ekonomi.

Antara yang menggunakan data dalaman sesebuah Negara bagi mengkaji hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi adalah Panizza (2002), Partridge (1997 dan 2005) dan Frank (2009). Secara umumnya, kajian yang menggunakan data dalaman sesebuah Negara menunjukkan hubungan yang positif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi kecuali Panizza (2002) yang mendapati hubungan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan hasil kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa peningkatan dalam agihan pendapatan mempunyai kesan yang berbeza-beza terhadap pertumbuhan ekonomi. Agihan pendapatan dapat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah Negara secara negatif atau positif. Namun, terdapat juga bukti hubungan yang tidak jelas di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi seperti yang didapati oleh Kula and Millimet (2010) yang mendapati hubungan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi dalam jangka panjang dengan kewujudan faktor ketidakpastian dan mendapati hubungan positif di antara kedua-dua pembolehubah dalam jangka pendek. Kajian oleh Barro (2000) pula mendapati secara keseluruhan terdapat sedikit hubungan di antara agihan pendapatan dengan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan. Di Negara miskin, agihan pendapatan yang tidak seimbang merencatkan pertumbuhan dan sebaliknya di Negara yang kaya, agihan pendapatan yang tidak seimbang meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Daripada perbincangan mengenai teori dan bukti empirikal mengenai agihan pendapatan dan hubungannya dengan pertumbuhan ekonomi, bolehlah dirumuskan bahawa wujud kedua-dua hubungan positif dan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi. Namun, hubungan ini bersifat dinamik dan tidak statik. Maksudnya, bagi sesebuah Negara, hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi bukanlah bersifat tetap sebaliknya boleh berubah mengikut dinamik ekonomi Negara masing-masing.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan menggunakan data sekunder bagi tempoh 1982 hingga 2012 yang diperolehi daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS). Secara umumnya, teori makroekonomi sependapat menyatakan faktor utama yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi adalah modal dan buruh. Model yang digunakan adalah model kajian lepas oleh Herzer dan Vollmer (2012) serta ditransformasikan datanya dalam bentuk log kecuali data indeks gini. Namun, pembolehubah pelaburan dalam model Herzer dan Vollmer digantikan dengan pembolehubah modal dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar pertumbuhan ekonomi dianggar menggunakan PNK perkapita.

$$[\ln gdp_{pc_t} = \alpha + \beta_1 \ln(\text{capital}_t) + \beta_2(\text{gini}_t) + \epsilon_t]$$

Memandangkan tujuan kajian adalah untuk mengkaji hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi, ujian Kointegrasi Johansen (1988) digunakan dan pembolehubah bebas modal hanya bertindak sebagai pembolehubah kawalan dan tidak akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Analisa kajian menggunakan perisian e-Views 9.

HASIL KAJIAN

Bagi menggunakan kaedah Kointegrasi Johansen, data mestilah bersifat pegun pada order yang sama. Bagi tujuan tersebut, ujian kepegunan perlu dilakukan. Setelah pra-syarat ini dipenuhi, barulah ujian kointegrasi dapat dilakukan. Ujian kepegunan data adalah penting apabila menggunakan data siri masa. Ini bagi mengelakkan penganggaran yang *spurious*. Penganggaran yang *spurious* tidak membawa sebarang makna dan berkemungkinan menyebabkan bias (Engle and Granger, 1987; Enders, 1995, Song and Witt, 2000). Kajian ini menggunakan ujian Augmented Dickey Fuller, (ADF, 1979) untuk menguji kepegunan. Hasil ujian kepegunan adalah seperti di Jadual 1.

Daripada Jadual 1, keputusan ujian menunjukkan kesemua pembolehubah yang diuji pada peringkat pembezaan pertama adalah signifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10% dan dikatakan pegun pada aras yang sama iaitu berintegrasi aras pertama atau I(1).

Dinyatakan berkemungkinan terdapatnya hubungan jangka panjang (kointegrasi) bagi pembolehubah-pembolehubah yang pegun pada aras yang sama ini. Untuk memastikan kebenaran wujudnya hubungan jangka panjang tersebut, maka ujian kointegrasi perlu dilakukan. Sebelum itu, penentuan lat optimal dilakukan. Pemilihan lat optimal kajian menggunakan Schwarz Information Criteria (SC) yang menunjukkan lat optimal bagi ujian kointegrasi adalah pada lat 1. Keputusan ujian kointegrasi Johansen pada lat optimal adalah ditunjukkan di Jadual 2 dan 3.

Daripada Jadual 2 dan 3, didapati kedua-dua Ujian Kointegrasi Johansen, iaitu ujian Trace dan ujian Max-eigenvalue mendapati satu persamaan kointegrasi (hubungan jangka panjang) antara pertumbuhan ekonomi dan agihan pendapatan.

Jadual 4, menunjukkan hubungan jangka panjang di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi adalah berhubungan negative.

PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia dalam jangka panjang. Dapatan hubungan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia dalam jangka panjang adalah selari dengan kajian oleh Alesina & Rodrik (1994), Persson & Tabellini (1994), Alesina & Perotti (1996), Perotti (1996), Forbes (2000), Chambers & Krause (2010) dan Castelló-Climont (2010). Ini bermaksud, semakin seimbang agihan pendapatan atau semakin rendah indeks Gini di Malaysia semakin tinggilah pertumbuhan ekonomi Negara. Sebaliknya sekiranya semakin kurang seimbang agihan pendapatan atau semakin tinggi indeks Gini Negara semakin rendahlah pertumbuhan ekonomi Negara.

Ini boleh difahami kerana Malaysia adalah sebuah Negara yang mengamalkan dasar ekonomi bercampur, iaitu pasaran terbuka dengan campur tangan Kerajaan dalam sektor tertentu bagi tujuan yang tertentu. Contoh campur tangan Kerajaan adalah pemberian subsidi minyak dan gas dan bahan makanan, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan awam dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan.

Campur tangan Kerajaan melibatkan kos yang besar. Ada campur tangan yang bersifat pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan ada juga yang bersifat tanggungjawab sosial bagi memastikan kesejahteraan rakyat. Apabila indeks gini meningkat atau agihan pendapatan semakin tidak seimbang, golongan kebanyakan yang berkongsi pendapatan yang sedikit akan terkesan dari segi kewangan. Ini akan menyebabkan kerajaan terpaksa campur tangan untuk meringankan beban rakyat yang terkesan. Contohnya pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Bantuan sebegini melibatkan jumlah yang besar walaupun kadarnya kecil kerana melibatkan bilangan penerima yang ramai. Kesannya Kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan bagi tujuan ini dan kos melepasi yang ditanggung adalah kurangnya peruntukan bagi tujuan pembangunan infrastruktur atau pembangunan ekonomi.

Kesan sebaliknya berlaku sekiranya indeks gini menurun, rakyat akan mempunyai lebih kemampuan untuk berbelanja dan dalam keadaan tertentu menyimpan. Ini akan merencanakan tahap penggunaan dalam Negara dan juga dapat meningkatkan pelaburan yang akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara.

RUMUSAN

Kajian berjaya membuktikan terdapat hubungan negatif di antara agihan pendapatan dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia dalam jangka panjang. Sekiranya kerajaan ingin mencatat pertumbuhan ekonomi yang konsisten bagi mencapai tahap Negara berpendapatan tinggi, Kerajaan hendaklah antara lainnya memastikan agihan pendapatan Negara bertambah baik. Selain daripada dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, agihan pendapatan yang semakin seimbang juga merupakan di antara petunjuk kepada peningkatan kesejahteraan rakyat dan bukti bahawa dasar Negara adalah bersifat inklusif dan hasil kekayaan Negara diagihkan secara saksama.

Oleh itu, Kerajaan perlu mengenal pasti dasar-dasar yang boleh meningkatkan tahap agihan pendapatan Negara seperti antaranya dasar yang menyokong perusahaan kecil dan sederhana berbanding perusahaan besar, dasar gaji minimum, dasar pembangunan bercampur di sesuatu kawasan, dasar perumahan mampu milik dan dasar agihan semula pendapatan seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB)¹ dan kumpulan wang simpanan persaraan yang lebih lestari. Dalam hal ini juga, usaha di pihak Kerajaan semata-mata adalah tidak memadai. Kerajaan, pihak swasta dan badan-badan bukan Kerajaan juga perlulah memainkan peranan untuk mendidik masyarakat supaya lebih celik kewangan dan menjadi pengguna yang bijak supaya usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan akan mendatangkan kesan yang optimum dan berterusan.

Kerajaan juga perlu memastikan pada setiap masa dan keadaan semua rakyat dalam Negara ini tidak kira bangsa, agama dan status sosialnya mempunyai peluang yang sama dan adil untuk memperbaiki diri dan memenuhi potensi diri sama ada dalam bidang akademik, kemahiran, sukan, perniagaan dan sebagainya bagi membolehkan wujudnya pergerakan sosial dalam masyarakat. Akhir sekali, Kerajaan perlu memastikan golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan pembelaan diberi bantuan, ruang dan peluang yang sewajarnya untuk memajukan diri.

Dalam dunia global yang mencabar dan kedudukan Negara sebagai sebuah Negara

¹ Muhammed (2011) menyatakan punca agihan pendapatan yang tidak seimbang di Malaysia adalah ketidakseimbangan dari segi pemilikan asset dan kekayaan yang boleh menjana pendapatan seperti asset hartanah dan asset kewangan (saham, amanah saham, simpanan persaraan)

perdagangan kecil yang mengamalkan ekonomi terbuka, adalah menjadi satu kemestian kepada Kerajaan untuk menyediakan setiap rakyatnya kebolehan dan keupayaan untuk mendepani cabaran ekonomi dan tidak semata-mata memberi bantuan yang menyebabkan rakyat leka dan tidak mampu berdikari. Dalam hal ini, bukan sahaja rakyat yang memerlukan bantuan Kerajaan, sebaliknya Kerajaan turut memerlukan bantuan daripada rakyat untuk bersama-sama memacu agenda pembangunan Negara.

RUJUKAN

- Angeles-Castro, G. (2006). 'The Relationship between Economic Growth and Inequality: Evidence from the Age of Market Liberalism'. Proceedings of the German Development Economics Conference, Berlin 2006 / Verein für Socialpolitik, Research Committee Development Economics, No. 2.
- Alesina, A. & Perotti, R. (1996). Income distribution, political instability, and investment. *European Economic Review*, 40(6), 1203–1228. doi:10.1016/0014-2921(95)00030-5
- Alesina, A. & Rodrik, D. (1994). Distributive politics and economic growth. *The Quarterly Journal of Economics*, 109, 465–490. doi:10.2307/2118470
- Barro, R. (2000). Inequality and Growth in a Panel of Countries. *Journal of Economic Growth*, 32(March), 5–32. doi:10.1016/j.jhealeco.2006.07.003
- Castelló-Climent, A. (2010). Inequality and growth in advanced economies: An empirical investigation. *Journal of Economic Inequality*, 8(3), 293–321. doi:10.1007/s10888-010-9133-4
- Chambers, D. & Krause, A. (2010). Is the relationship between inequality and growth affected by physical and human capital accumulation? *Journal of Economic Inequality*, 8(2), 153–172. doi:10.1007/s10888-009-9111-x
- Chen, B. L. (2003). An inverted-U relationship between inequality and long-run growth. *Economics Letters*, 78(2), 205–212. doi:10.1016/S0165-1765(02)00221-5
- Cornia, G. A. & Court, J. (2004). Inequality, Growth and Poverty in the Era of Liberalization and Globalization. *Development*, 1(January), 2003 – 2011. doi:10.1093/0199271410.001.0001
- Dollar, D. & Kraay, A. (2002). Growth is good for the poor. *Journal of Economic Growth*, 7(3), 195–225. doi:10.1023/A:1020139631000
- Forbes, K. J. (2000). A reassessment of the relationship between inequality and growth. *American Economic Review*, 90(4), 869–887. doi:10.1257/aer.90.4.869
- Frank, M. W. (2009). Inequality and growth in the united states: Evidence from a new state-level panel of income inequality measures. *Economic Inquiry*, 47(1), 55–68. doi:10.1111/j.1465-7295.2008.00122.x
- Herzer, D. & Vollmer, S. (2012). Inequality and growth: evidence from panel cointegration. *The Journal of Economic Inequality*,. doi:10.1007/s10888-011-9171-6
- Kuznets, S. (1955). Economic Growth and Income Inequality. *American Economic Review*, 45, 1–28. doi:10.1207/1811581
- Panizza, U. (2002). Income inequality and economic growth: Evidence from American data. *Journal of Economic Growth*, 7(1), 25–41. doi:10.1023/A:1013414509803
- Partridge, M.D. (1997). 'Is Inequality Harmful for Growth? Comment', *The American Economic Review* 87(5): 1019-1032.
- Partridge, M.D. (2005). 'Does Income Distribution Affect US State Economic Growth?*', *Journal of Regional Science* 45(2): 363-394.
- Pérez-Moreno, S. (2009). An Assessment of the Causal Relationship between Growth and Inequality in Spanish Regions, *European Planning Studies* 17(3): 389-400.
- Perotti, R. (1996). Growth, income distribution, and democracy: What the data say. *Journal of Economic Growth*,. doi:10.1007/BF00138861
- Persson, T. & Tabellini, G. (1994). Is inequality harmful for growth? *American Economic Review*,. doi:10.1108/eb018853
- van der Hoeven, R.E. (2013). The Inclusion of Full Employment in MDG1, What Lessons for a Post - 2015 Development Agenda?. *ISS Staff Group 3: Human Resources and Local Development*. Harvard School of Public Health, FXB Center for Health and Human Rights. Retrieved from <http://hdl.handle.net/1765/40149>
- Voitchovsky, S. (2005). Does the Profile of Income Inequality Matter for Economic Growth? *Journal of Economic Growth*,. doi:10.1007/s10887-005-3535-3

JADUAL 1: Ujian Unit Root Pada Peringkat Tingkat (Level) Dan Pembezaan Pertama

Pembolehubah	Peringkat tingkat (level)		Pembezaan pertama	
	t-stat	Prob	t-stat	Prob
lngdppc	-0.616436	0.8524	-5.922081	0.0000
lncapital	-0.664485	0.8408	-4.658813	0.0009
gini	-2.027029	0.2742	-5.154220	0.0003

JADUAL 2: Ujian Kointegrasi Johansen Trace

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Trace Statistic	5 Percent Critical Value	1 Percent Critical Value
None **	0.741017	44.26698	29.68	35.65
At most 1	0.143490	5.088211	15.41	20.04
At most 2	0.020357	0.596434	3.76	6.65

Trace test indicates 1 cointegrating equation(s) at both 5% and 1% levels

*(**) denotes rejection of the hypothesis at the 5%(1%) level

JADUAL 3: Ujian Kointegrasi Johansen Max-eigenvalue

Hypothesized No. of CE(s)	Eigenvalue	Max-Eigen Statistic	5 Percent Critical Value	1 Percent Critical Value
None **	0.741017	39.17876	20.97	25.52
At most 1	0.143490	4.491777	14.07	18.63
At most 2	0.020357	0.596434	3.76	6.65

Max-eigenvalue test indicates 1 cointegrating equation(s) at both 5% and 1% levels

*(**) denotes rejection of the hypothesis at the 5%(1%) level

JADUAL 4: Normalized Cointegrating Coefficients

1 Cointegrating Equation(s): Log likelihood 113.1796

Normalized cointegrating coefficients (standard error in parentheses)

LNGDPPC	LNCAPITAL	GINI
1.000000	0.765225	81.07436
	(0.31030)	(9.63751)

Adjustment coefficients (standard error in parentheses)

D(LNGDPPC)	-0.003035
	(0.01584)
D(LNCAPITAL)	-0.007812
	(0.02545)
D(GINI)	-0.026933
	(0.00364)